

SKIM PINJAMAN KOPERASI (SPK)
TABUNG PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI PEKEBUN KECIL RISDA

PENDAHULUAN

Skim Pinjaman Koperasi Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil ini diwujudkan mengikut 'Peraturan-Peraturan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil' yang diperbuat di bawah Seksyen 6(2)(a)(vi) Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 dan diluluskan YB Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah pada 7hb April 1984.

1. PERLAKSANAAN

Perlaksanaan Skim Pinjaman Koperasi ini ialah untuk membiayai projek-projek perniagaan dan tertakluk kepada 'Peraturan-Peraturan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil' dan akan dibiayai oleh wang daripada Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil (TPSEPK).

2. TUJUAN PINJAMAN

Tujuan Skim Pinjaman Koperasi adalah untuk:

- 2.1 Memberi kemudahan pinjaman kepada koperasi-koperasi pekebun kecil getah bagi menjalankan projek-projek perniagaan.
- 2.2 Projek-projek perniagaan kecil adalah meliputi semua jenis perniagaan yang kosnya tidak melebihi RM 100,000.00.
- 2.3 Projek perniagaan besar adalah meliputi semua projek yang mana kosnya melebihi RM 100,000.00.

3. KELAYAKAN PEMOHON

- 3.1 Koperasi hendaklah terdiri daripada Koperasi Pekebun Kecil Getah yang berdaftar di bawah Ordinan Koperasi Bil. 33/1948 (disemak 1983) (dimansuhkan oleh Akta 502) dan ditadbir di bawah Akta Koperasi 1993 dan diiktiraf oleh Jawatankuasa Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil.
- 3.2 Koperasi mestilah mempunyai penyata kewangan yang telah di audit sekurang-kurangnya 2 tahun terdahulu dan merekodkan keuntungan.
- 3.3 Koperasi mestilah menjelaskan semua hutang piutang semasa dengan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil (TPSEPK) ini terlebih dahulu kecuali jaminan diberi bahawa hutang tersebut boleh dijelaskan.
- 3.4 Koperasi perlu mempunyai pengalaman, kecenderungan dan keupayaan mengusahakan projek secara berterusan dalam bidang usaha yang hendak dijalankan.

4. SYARAT-SYARAT AM

- 4.1 Segala pinjaman yang diluluskan akan dikenakan kos perkhidmatan pada kadar 2% setahun atas baki atau mengikut kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil.

TATACARA PENGURUSAN TPSEPK

- 4.2 Projek-projek yang dikemukakan hendaklah berdaya maju (*viable*) dari segi teknik, ekonomi dan kewangan. Koperasi yang memohon pinjaman hendaklah terlebih dahulu mendapatkan:
 - 4.2.1 Mandat Mesyuarat Agung untuk membuat pinjaman luar.
 - 4.2.2 Kelulusan Lembaga Pengarah Koperasi mengenai projek tersebut.
 - 4.2.3 Kelulusan Ketua Pendaftar Koperasi, Jabatan Koperasi Malaysia.
- 4.3 Jumlah pinjaman yang boleh diluluskan bagi projek-projek perniagaan kecil tidak boleh lebih 80% daripada jumlah kos sesuatu projek tertakluk maksimum pembiayaan RM 500,000.00 atau mengikut kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil.
- 4.4 Jumlah pinjaman yang diluluskan bagi projek-projek besar adalah sebagai wang pendahuluan (*bridging finance*) untuk membolehkan koperasi mendapatkan pinjaman luar. Wang pendahuluan ini adalah 25% daripada jumlah kos sesuatu projek atau mengikut kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil.

5. JENIS-JENIS PROJEK YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK MENDAPATKAN PINJAMAN

Projek-projek yang layak menerima pinjaman di bawah Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil adalah seperti berikut:

- 5.1 Perniagaan belian/jualan getah ahli-ahli koperasi dan pekebun-pekebun kecil di peringkat daerah, negeri, nasional dan antarabangsa.

TATACARA PENGURUSAN TPSEPK

- 5.2 Agensi pengedaran dalam semua bidang perniagaan termasuk pengeluaran pertanian seperti baja, kimia, peralatan ladang dan lain-lain.
- 5.3 Pembangunan tanah di atas tanah-tanah yang dimiliki oleh koperasi yang dimiliki oleh koperasi yang dibeli melalui saham-sahamnya sendiri.
- 5.4 Kerja-kerja kontrak pembangunan tanah pertanian yang diperolehi oleh koperasi melalui tender seperti kontrak pembangunan tanah mini estet dan sebagainya.
- 5.5 Pemilikan harta oleh Koperasi.
- 5.6 Menceburi dalam industri kecil.

6. **CARA MEMOHON**

- 6.1 Permohonan pinjaman hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah disediakan oleh RISDA sahaja iaitu [**Borang SPK MS1/6 – MS 6/6**](#).
- 6.2 Setiap permohonan pinjaman untuk keperluan projek hendaklah disokong dengan satu kertas kerja yang lengkap berhubung dengan pelaksanaan projek itu. Kertas kerja tersebut hendaklah meliputi perkara-perkara berikut:
 - 6.1.1 Latar belakang koperasi termasuk
 - Jumlah bilangan ahli
 - Jumlah saham ahli
 - Pengalaman dan keupayaan koperasi menjalankan perniagaan pada masa yang lepas
 - Penggunaan saham
 - 6.1.2 Cara pengurusan projek.

TATACARA PENGURUSAN TPSEPK

- 6.1.3 Aliran kewangan projek hingga projek tamat.
 - 6.1.4 Sumbangan modal koperasi daripada saham bagi projek yang dipohon.
 - 6.1.5 Kemampuan membayar balik pinjaman.
 - 6.1.6 Jumlah dan jenis cagaran dan juga penjamin-penjamin.
 - 6.1.7 Kajian-kajian ekonomi, teknik dan kewangan projek.
- 6.2 Jawatankuasa Pengurusan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil boleh memberi pertimbangan ke atas setiap permohonan yang diterima dan keputusannya adalah muktamad dan Jawatankuasa TPSEPK tidak terikat memberi apa-apa alasan jika ada permohonan yang tidak diluluskan.
- 6.3 Bagi koperasi yang diluluskan untuk mendapatkan pinjaman, Jawatankuasa TPSEPK akan menetapkan jadual bayaran balik dan cara pembayaran pinjaman, jangkamasanya, jenis cagaran atau penjamin-penjamin yang diperlukan.